

23 APR 1998

PRESIDEN BURKINA FASO DISAMBUT SECARA RASMI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Presiden Burkina Faso Blaise Compaore yang tiba di sini semalam bagi lawatan negaga selama lima hari disambut dengan rasmi di Dataran Parlimen di sini, hari ini.

Ketibaan beliau di bangunan Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan dan pemimpin dari Afrika itu turut diberi tembakan hormat 21-das.

Compaore juga memeriksa barisan kehormat yang terdiri daripada 107 pegawai dan anggota lain-lain pangkat Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mej Romainor Mohamad.

Beliau kemudiannya diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet dan para diplomat asing.

Dr Mahathir dan Compaore akan mengadakan perbincangan pada sebelah petang.

Compaore akan mengadap Tuanku Ja'afar petang ini sebelum menghadiri majlis makan yang diadakan untuknya di Istana Negara malam ini.

Burkina Faso merupakan bekas tanah jajahan Peranchis dan ia terletak di selatan pinggir gurun Sahara dengan penduduk seramai 9.5 juta.

-- BERNAMA

MAM PR